

inovasi

Hasilkan cecair pembunuhan kuman guna daun sirih

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan cecair pembunuhan kuman menggunakan daun sirih pula.

Ketua penyelidiknya yang juga pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Prof Datuk Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim, berkata cetusan idea itu bermula dengan pencarian formula khas yang boleh menghasilkan antisептик menggunakan daun binahong.

Beliau berkata, penyelidikan bermula pada 2008 dan ketika itu, piakahnya menggunakan daun binahong bagi menghasilkan produk seperti sabun dan krims.

Bagaimanapun, katanya, penyelidikan itu dianggap kurang berjaya kerana

produk dihasilkan kelihatan tidak menarik dan sukar dipasarkan.

"Kami kemudian meneruskan penyelidikan lanjutan untuk menghasilkan produk cecair pembunuhan kuman menggunakan daun sirih pula.

Pensijilan halal

"Produk dinamakan *Germs Free Hand Sanitizer* ini bukan sahaja berfungsi sebagai cecair pembunuhan kuman, malah dapat mengelakkan masalah kulit merenggut yang sering dialami apabila menggunakan sanitizer sedia ada dalam pasaran kerana penggunaan etanol, iaitu bahan kimia alkohol yang asasnya daripada petroleum," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Prof Mimi Sakinah berkata, ciri lain pada produk itu termasuklah ia mudah kering pada tangan, tidak perlu dibilas, kulit akan lembap bersama bau lemon yang

menyegarkan si pengguna.

Bagi memastikan produk itu selamat digunakan, beliau berkata, ia diuji di Makmal Bioserasi dan Klinik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Pada masa sama, produk ini juga dalam proses mendapatkan pensijilan halal bagi cecair pembunuhan kuman. Ia perlu melalui pelbagai proses, termasuk perakuan pengurusan amalan terbaik daripada Bahagian Regulatori Farma-si Negara (NPRa).

Respon positif

"Proses ini ada tiga peringkat. Kami sedang berada pada tahap ketiga dan antara aspek diambil kira ialah memastikan kebersihan makmum."

"Jika berjaya, maka peluang mendapatkan pensijilan halal agak tinggi dan seterusnya menjadikan UMP pengeluar pertama menghadirkan pensijilan halal bagi produk cecair pembunuhan kuman," katanya.



Prof Mimi Sakinah menunjukkan cecair pembunuhan kuman diperbuat daripada daun sirih yang dihasilkan.

nuh kuman," katanya.

Ketika ini, beliau berkata, produk itu hanya digunakan dalam kalangan warga UMP dan sebuah hospital swasta.

Berdasarkan maklum

balas pengguna yang diterima, katanya, rata-rata memberikan respons positif seperti kulit pengguna lebih lembap, bau lemon menyegarkan dan tidak merenggut seperti produk lain.

info

Germs Free Hand Sanitizer

- Bagi memudahkan penggunaan, produk dibotolkan dengan isi kandungan 80 mililiter
- Mudah disimpan dan dibawa
- Hanya berharga RM12 sebotol
- Turut disediakan dalam kotak bersesuaian sebagai cenderamata